

20 MAR 1996

Mahathir - Internet

MALAYSIA DAN SINGAPURA BIMBANG MENGENAI BAHAN BURUK DALAM INTERNET

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Malaysia dan Singapura bimbang mengenai penyebaran bahan-bahan tidak baik menerusi Internet, sistem rangkaian komputer antarabangsa yang berkembang pesat di kalangan pengguna komputer di kedua-dua negara.

Timbalan Perdana Menteri Singapura, Dr Tony Tan Keng Yam hari ini berkata perkembangan teknologi maklumat termasuk Internet adalah antara isu yang dibincangkan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Walaupun teknologi itu amat berguna dan kedua-dua negara tidak berhasrat untuk menyekat penerimaan maklumat menerusi Internet, kami merasa bimbang mengenai penyebaran bahan lucah dan bahan yang tidak diingini," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri di sini.

"Sewajarnya perkara ini dibincangkan antara Malaysia dan Singapura dan juga di kalangan anggota ASEAN," katanya.

Dr Tan dan Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar, yang juga hadir, turut memberi taklimat kepada Perdana Menteri mengenai keputusan Forum Pertahanan Malaysia-Singapura dan bidang-bidang kerjasama antara cabang pertahanan kedua-dua negara.

Kedua-dua negara secara prinsipnya bersetuju melaksanakan projek bersama mengeluarkan buat permulaan peluru 12.7mm untuk mesingan pelbagai guna.

Dr Tan, yang juga Menteri Pertahanan, tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi tiga hari dan perbincangan dengan para pegawai kanan kerajaan dan pertahana.

Selain mesyuarat Forum Pertahanan dan kerjasama dua hala pertahanan, Dr Tan berkata isu-isu lain yang ada relevan kepada kedua-dua negara turut dibincangkan.

Ini termasuk cadangan hubungan keretapi dari Singapura dan Malaysia ke China selatan melalui Thailand dan Laos dan bekalan jangka panjang air ke Singapura.

-- Bernama

MGM AHH